


ADAKAH ANDA MENGGUNAKAN TED DI BOT ANDA?

KINI ANDA BOLEH BELAJAR LEBIH BANYAK MENGENAINYA

APA ITU TED?

TED atau Peranti Penyisih Penyu merupakan sejenis sistem ringkas yang dipasang di bahagian keroncong pukot tunda udang, di mana ia bertujuan untuk menyelamatkan penyu yang terperangkap dalam pukot. TED bukan sahaja dapat menyelamatkan penyu, tetapi ia juga meningkatkan kualiti dan kebersihan hasil tangkapan serta mengurangkan penggunaan diesel kerana kurangnya sampah dan kotoran masuk ke bahagian hujung keroncong pukot.



KENAPA ANDA PERLU MENGGUNAKAN TED?

Fikirkan berapa banyak bot pukot yang ada di Malaysia...



Fikirkan berapa banyak penyu yang mati di Malaysia...



Kerana bukan hanya bot anda yang memancing di Malaysia

MENINGKATKAN KUALITI HASIL TANGKAPAN

Dengan mengurangkan tangkapan sampingan yang selalu menghancurkan hasil tangkapan udang di hujung keroncong pukot, anda akan mendapat hasil tangkapan yang lebih berkualiti. Ini dapat meningkatkan keuntungan anda semasa menjualnya di pasar.



KELEBIHAN TEDs

MENGURANGKAN PENGGUNAAN BAHAN API

Disebabkan tangkapan sampingan (penyu, tayar dan lain-lain) sudah berkurang, beban pada bot semasa menunda juga menjadi kurang.



INOVASI PENYELIDIKAN

METER BAHAN API

Menunjukkan penggunaan bahan api yang sebenar.



MENYELAMATKAN PENYU

Penyu merupakan species terancam dalam ekosistem marin Malaysia dan ia merupakan imej penting dalam industri pelancongan Malaysia.



KAMERA VIDEO

Menunjukkan situasi sebenar dalam laut.

MENGURANGKAN PENANGKAPAN IKAN BAJA

Hasil tangkapan menjadi lebih bersih dan menjimatkan masa pengasingan.



MENGURANGKAN KEROSAKAN PADA PUKOT

Sampah atau objek-objek besar yang selalu merosakkan pukot anda menjadi kurang, oleh itu masa untuk membaiki pukot juga menjadi kurang.



SEJARAH TEDs DI MALAYSIA

Peningkatan kesedaran & percubaan pertama TEaD di Malaysia oleh MRF.

2007

Pakar NMFS dari US melawat Malaysia untuk melatih pegawai perikanan dan nelayan mengenai TED.

Bengkel Kesedaran TED.

2008

MRF membuat memorandum persefahaman (MOU) dengan Perikanan Sabah.

Penciptaan video TED dalam 3 bahasa (B. Malaysia, B. Inggeris dan Mandarin).

2009

Pegawai Perikanan Malaysia melawat US untuk memahami TED.


Rekaan TED dari Malaysia yang mempunyai "muka senyum".

2012

Pegawai Perikanan Malaysia melawat ke US untuk percubaan TED buatan Malaysia.

Pengarah Perikanan Malaysia melawat ke USA untuk menyaksikan percubaan TED Malaysia.

2013



Perlaksanaan pelan TED melalui Seminar Kebangsaan kepada nelayan dari 6 negeri (Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah & Sarawak).

2014

Program 2 tahun di 6 negeri - Latihan membina & memasang TED, ujian percubaan di laut, sesi soal jawab; dan latihan pegawai Perikanan Malaysia.

2015

Malaysia berkomited untuk mewajibkan penggunaan TED pada pukot tunda udang di Malaysia bermula 2017.

Perikanan Malaysia menaja 200 TED dan diedarkan kepada nelayan.

2016

Lawatan pertama ke Malaysia oleh US State Development untuk laksanakan proses Section 609 Certification.

4 negeri Pantai Timur Sem. Malaysia (Kelantan, Terengganu, Johor dan Pahang) diwajibkan memasang TED pada musim monsun.

2017

Pemeriksaan Section 609 dijalankan di negeri-negeri Pantai Timur.


Program TED di seluruh negeri Sabah bersama nelayan dan penubuhan Perikanan Sabah TEDs All-Stars Team.

2018

Reka bentuk TED 'Anthony Weedless' rata dibawah diperkenalkan kepada nelayan di Sabah

2019

'Pintu Perangkap' ditambah di dalam TED sebagai modifikasi tambahan



Dengan menggunakan TED, anda dapat menyelamatkan industri perikanan pukot tunda di Malaysia dan generasi masa depan akan berterima kasih...

